

19/04/2003

MBM berjaya kutip RM147,021

Zuraidah Mohamed

KUALA LUMPUR: Majlis Belia Malaysia (MBM) menerusi 39 badan gabungannya berjaya meningkatkan jumlah kutipan bagi Tabung Kemanusiaan Antarabangsa Malaysia (MIPF) kepada RM147,021 setakat semalam.

Timbalan Presidennya, Abdullah Abu Bakar, berkata kutipan derma bagi mengisi tabung kemanusiaan itu dilancarkan sejak 1 April lalu bertujuan membantu mangsa perang di Iraq, sekali gus membuktikan sikap prihatin masyarakat.

Katanya, MBM akan menganjurkan Malam Semarak Kedamaian di Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor pada 12 Mei depan, bagi memperhebatkan kutipan untuk tabung itu.

"Orang ramai yang ingin menyertai program ini perlu membeli kupon berharga RM10 setiap satu dan pada masa sama menyumbang kepada tabung kemanusiaan ini.

"Kita menjangkakan kira-kira 10,000 orang akan menghadiri program itu selain menyaksikan persembahan puisi dan tayangan klip video mengenai kesengsaraan yang dialami mangsa perang di Iraq," katanya dalam sidang media selepas Majlis Penyerahan Tabung Kempen Seringgit Untuk Iraq kepada badan gabungan MBM di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Presiden MBM, Loka Ng Sai Kai dan Sobri Ahmad. Semua 39 badan gabungan MBM di seluruh negara akan menjalankan kutipan mengutip derma bagi disumbangkan kepada MIPF.

Abdullah berkata, MBM mensasarkan untuk mengutip RM250,000 bagi tabung itu dan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena sambutan Hari Belia 2003 pada 15 Mei ini.

Orang ramai ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai Malam Semarak Kedamaian, boleh menghubungi sekretariat MBM di Wisma MBM, No 1, Jalan Tasik Permaisuri 2, Bandar Tun Razak, 56000, Kuala Lumpur, menerusi talian 03-91732761 atau e-mel kepada mbm@belia.org.my.

Sementara itu, tabung kemanusiaan yang dikendalikan kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) terus meningkat kepada RM211,896.15 selepas menerima sumbangan RM11,495.70 setakat jam 5 petang semalam.

Eksekutif Kanan NSTP, Hamila Mohd Noor, berkata 13 penderma membabitkan orang persendirian menyumbang semalam.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh menyerahkan derma mereka menerusi cek berpalang atau wang pos kepada NSTP dengan mencatatkan Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia di belakangnya. Bagaimanapun, wang pos tidak digalakkan kerana aspek keselamatan.